MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

TAWARAN IKLAN

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN PELAN KOMUNIKASI STRATEGIK DAN KANDUNGAN KESELAMATAN JALAN RAYA

Tarikh Mula Iklan	: 20 November 2026 (Jumaat)
Tarikh Akhir Iklan	: 11 Disember 2026 (Jumaat), 12.00 tengah hari
Kaedah Serahan	: Serahan dokumen melalui e-mel DAN serahan tangan
Maklumat	: Hanya pencadang yang disenarai pendek akan dihubungi dalam tempoh **14 hari selepas tarikh iklan ditutup** bagi tujuan pembentangan kepada panel juri.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA (MKJR) MALAYSIA
Aras 3, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
T: +603-8882 9794 / 9795 | **E**: urussetia@mkjr.my | **W**: www.mkjr.my

STRUKTUR DOKUMEN

1. TERMA RUJUKAN

Bahagian ini menerangkan rumusan hasil yang dijangkakan daripada pihak pencadang, selaras dengan skop kerja yang diperlukan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia.

2. GARIS PANDUAN PENCADANG

Bahagian ini menggariskan maklumat minimum yang diperlukan untuk pencadang sertakan ke dalam dokumen Kertas Cadangan Tender (*proposal*).

3. MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN

Bahagian ini mengandungi arahan, maklumat dan butiran yang perlu dimasukkan dalam Kertas Cadangan Tender yang dikemukakan oleh Pencadang.

4. TEMPLAT UNTUK PENCADANG

Bahagian ini mengandungi templat bagi maklumat minimum yang perlu disertakan pencadang ke dalam dokumen Kertas Cadangan Tender (*proposal*).

TERMA RUJUKAN *(TERMS OF REFERENCE)*

Nama Perkhidmatan	Perkhidmatan Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

LATAR BELAKANG

1. Keselamatan jalan raya merupakan isu yang memerlukan komunikasi yang berterusan bagi memastikan mesej keselamatan difahami, diingati dan diterapkan dalam kehidupan seharian masyarakat. Dalam persekitaran media yang semakin dinamik, pendekatan komunikasi yang hanya bergantung kepada kempen atau hebahan secara bermusim adalah kurang berkesan untuk membina hubungan berterusan dengan masyarakat dan mengekalkan mesej keselamatan jalan raya dalam perhatian mereka.

2. Sehubungan itu, Strategi Media MKJR 2026–2028 memberi penekanan kepada peralihan daripada komunikasi yang bersifat bermusim, terlalu umum dan berasaskan amaran kepada komunikasi yang konsisten, positif, relevan dan mempunyai nilai jangka panjang. Pendekatan ini bertujuan membentuk norma sosial keselamatan jalan raya serta menyokong perubahan tingkah laku masyarakat melalui kandungan yang lebih dekat dengan kehidupan dan keperluan kumpulan sasaran.

3. Salah satu pendekatan utama yang dikenal pasti ialah francais kandungan, iaitu pembangunan siri kandungan yang mempunyai identiti, tema, kumpulan sasaran dan objektif yang jelas serta diterbitkan secara berkala di bawah jenama yang sama. Melalui pendekatan ini, kandungan tidak dihasilkan sebagai bahan komunikasi sekali guna, sebaliknya dibangunkan sebagai aset yang boleh berkembang dan diperkukuh dari semasa ke semasa sehingga menjadi kandungan yang dikenali dan dinantikan oleh masyarakat.

4. Bagi merealisasikan pendekatan tersebut, MKJR memerlukan penyedia perkhidmatan yang mempunyai kepakaran dan kreativiti dalam pembangunan konsep dan kandungan, pengurusan produksi, penempatan dan hebahan media serta analitik. Penyedia perkhidmatan hendaklah berupaya merancang dan melaksanakan pendekatan komunikasi yang bersepadu, termasuk pembangunan francais kandungan dan pengurusan media secara berterusan sepanjang tempoh perkhidmatan 12 bulan, bagi memastikan komunikasi MKJR dilaksanakan secara konsisten, tersusun dan mempunyai nilai jangka panjang.

OBJEKTIF PERKHIDMATAN

Membangunkan aset kandungan media yang berkualiti, mampan dan boleh digunakan secara berterusan bagi membentuk norma sosial yang lebih positif terhadap keselamatan jalan raya.

BIL	PERKARA	HURAIAN
1	Membina aset komunikasi MKJR	Siri kandungan berkualiti yang boleh digunakan semula
2	Meluaskan capaian mesej kepada sasaran	Sasaran 40% pengguna digital Malaysia, dengan definisi ukuran yang dipersetujui
3	Meningkatkan kefahaman mesej keselamatan	Penilaian garis dasar (*baseline*) dan tempoh akhir serahan untuk mengukur perubahan kefahaman
4	Menyokong norma keselamatan jalan raya	Mesej yang konsisten dan dekat dengan keadaan harian kumpulan sasaran

SKOP KERJA

1. Merancang dan membangunkan strategi dan kandungan mesej keselamatan jalan raya;
2. Melaksanakan kempen media keselamatan jalan raya bagi tempoh 12 bulan; dan
3. Memantau, menilai dan melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap strategi komunikasi MKJR sepanjang tempoh kontrak.

TERAS KANDUNGAN PERKHIDMATAN

Peserta hendaklah mengambil kira, memperincikan, dan menambah baik (sekiranya perlu) pendekatan strategik MKJR tanpa mengubah objektif asas yang telah diluluskan. Terdapat 7 teras utama di dalam konsep Pendekatan Sistem Selamat (Safe System Approach). Walaubagaimanapun, fokus akan diberikan kepada hanya 3 teras di bawah bagi Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya ini iaitu :

BIL	PERKARA	FOKUS	KUMPULAN SASARAN
1	Kelajuan selamat	Kelajuan mengikut fungsi jalan, risiko kecederaan dan persekitaran sekolah	Pemandu, penunggang dan komuniti *
2	Pengguna jalan raya rentan	Topi keledar, lampu isyarat, keterlihatan dan perkongsian ruang	Motosikal, penghantar barangan / makanan, pejalan kaki dan basikal *
3	Kenderaan selamat	Pemeriksaan, penyelenggaraan, muatan dan teknologi keselamatan	Pengendali kenderaan, pemandu bas dan kenderaan berat *

*Kumpulan sasaran boleh berubah mengikut keadaan dan isu semasa

HASIL SERAHAN MINIMUM

BIL	SIRI	HURAIAN / SPESIFIKASI UTAMA	KANDUNGAN MINIMUM
1	MKJR Originals	Produksi 6 dokumentari mini berdurasi 5 - 10 minit yang boleh dikaitkan dan digabungkan menjadi 1 dokumentari penuh berdurasi 60 minit. Juga digunakan untuk shorts dan siri lain sekiranya perlu. Minimal penggunaan elemen AI dibenarkan.	6 dokumentari mini (5-10m) 1 dokumentari penuh (60m)
2	MKJR Social Lab	Produksi 6 eksperimen sosial / pengalaman komuniti berdurasi 3 - 5 minit. Minimal penggunaan elemen AI dibenarkan.	6 video (3-5m)
3	MKJR Facts	Hantaran media sosial sebanyak 2x seminggu sepanjang 12 bulan (52 minggu) bagi semua platform media sosial MKJR. Penggunaan elemen AI dibenarkan.	104 hantaran media sosial
4	MKJR Shorts	Hantaran media sosial sebanyak 1x seminggu sepanjang 12 bulan (52 minggu) bagi semua platform media sosial MKJR berdurasi 30 - 60 saat. Penggunaan elemen AI dibenarkan.	52 video pendek (30-60s)
5	MKJR Festives	Produksi 4 video perayaan utama di Malaysia termasuk: i. Hari Raya Aidilfitri ii. Tahun Baru Cina iii. Deepavali iv. Krismas / Tahun Baru Minimal penggunaan elemen AI dibenarkan.	4 video (3-5m)
6	MKJR Website	Kemaskini berkala (setiap 3 bulan) bagi aktiviti yang telah dilaksanakan MKJR termasuk penghasilan *newsletter* untuk diedarkan kepada pelanggan laman sesawang MKJR sepanjang tempoh 12 bulan.	4 newsletter

Siri di atas perlu diagihkan mengikut 3 teras, dan kesemua kandungan perlu disertakan dengan *media buy planning (boosting*). Pelaporan perlu dilakukan pada setiap titik pencapaian (*milestone*) dan pelaporan keseluruhan. Nama, struktur, format dan identiti akhir francais kandungan boleh dicadangkan oleh pencadang dan hendaklah dimuktamadkan bersama MKJR.

STRUKTUR TADBIR URUS DAN AKAUNTABILITI

1. Penyedia perkhidmatan hendaklah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Media MKJR sebagai pihak yang menyelia pelaksanaan kerja. Output utama hendaklah dikemukakan untuk semakan dan kelulusan Jawatankuasa Media MKJR, tertakluk kepada kelulusan akhir oleh Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif MKJR.

2. Pelaporan kemajuan hendaklah dibuat setiap dua (2) minggu pada peringkat awal pelaksanaan sehingga kandungan dan pendekatan dimuktamadkan. Selepas itu, pelaporan hendaklah dibuat secara bulanan sehingga tamat tempoh perkhidmatan.

3. Dalam melaksanakan perkhidmatan, penyedia perkhidmatan hendaklah berhubung dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk agensi Kerajaan, sektor swasta, NGO, individu, mangsa kemalangan jalan raya dan pihak-pihak lain yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya.

4. Pihak-pihak berkepentingan tersebut boleh dilibatkan sebagai sumber maklumat, rakan strategik, peserta atau responden, pencipta kandungan dan pihak yang berkaitan dengan pembangunan serta pelaksanaan kandungan, mengikut keperluan projek.

PEMILIKAN DAN HAK PENGGUNAAN ASET/IP

Semua aset, data, bahan sumber, fail kerja dan hasil kerja yang dihasilkan khusus untuk MKJR hendaklah diserahkan kepada MKJR mengikut terma hak penggunaan, pemilikan dan IP yang dinyatakan dalam kontrak. Peserta hendaklah menyatakan dengan jelas apa-apa bahan pihak ketiga atau lesen yang mempunyai sekatan penggunaan.

TEMPOH KERJA

1. Jadual pelaksanaan terperinci hendaklah dicadangkan dalam tawaran teknikal dan dimuktamadkan dalam kontrak.

2. Perkhidmatan hendaklah dilaksanakan untuk tempoh 12 bulan bermula dari tarikh kuat kuasa yang ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (SST) sehingga semua skop kerja dan output yang ditetapkan disiapkan sepenuhnya. Penyedia perkhidmatan hendaklah mematuhi jadual kerja dan tempoh penyerahan yang dipersetujui bagi setiap output.

3. Sebarang kelewatan atau kegagalan menyiapkan output dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah dianggap sebagai ketidakpatuhan kepada jadual pelaksanaan dan boleh menjejaskan penerbitan kandungan serta penempatan media yang telah dirancang.

4. Penyedia perkhidmatan hendaklah mengemukakan justifikasi dan pelan pemulihan kepada MKJR sekiranya berlaku kelewatan, tanpa menjejaskan tempoh keseluruhan perkhidmatan yang ditetapkan.

KELAYAKAN PROFESIONAL SYARIKAT YANG BERJAYA DAN KAKITANGAN UTAMANYA

1. Syarikat hendaklah mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam komunikasi strategik, pembangunan kandungan kreatif, media digital dan kempen komunikasi, khususnya berkaitan perubahan tingkah laku atau isu sosial.

2. Pasukan projek hendaklah terdiri daripada minimum 3 orang ahli, dengan sekurang-kurangnya mempunyai kepakaran dalam:
    a. Strategi komunikasi dan pembangunan kandungan;
    b. Kreatif dan produksi kandungan digital;
    c. Media digital dan pengurusan platform; dan
    d. Analitik, pemantauan dan penilaian prestasi.

3. Syarikat hendaklah mengemukakan profil, pengalaman dan kelayakan kakitangan utama yang dicadangkan bagi melaksanakan perkhidmatan ini.

CADANGAN JADUAL PEMBAYARAN

1. Harga kontrak adalah harga tetap sehingga jumlah maksimum **RM2,000,000.00** bagi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan tanpa mengira sebarang pelanjutan kontrak. Sebarang perubahan atau pelanjutan tempoh hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat kontrak.

2. Harga kontrak hendaklah merangkumi semua kos yang berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan, termasuk fi profesional, pembangunan dan penerbitan kandungan, kolaborasi, promosi digital dan pembelian media, analitik, pemantauan, pengurusan serta penilaian impak, termasuk cukai dan apa-apa kos lain yang berkaitan.

3. Pembayaran hendaklah dibuat secara berperingkat berdasarkan pencapaian output/aktiviti utama yang ditetapkan dalam jadual pelaksanaan dan setelah output berkenaan disemak serta diterima oleh MKJR.

GARIS PANDUAN UNTUK PENCADANG

A. KELAYAKAN PENCADANG

BIL	KOMPONEN	KETETAPAN
1	Kelayakan pencadang	Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). *Nilai tambahan bagi syarikat yang berdaftar dengan kod bidang MOF yang relevan serta masih sah
2	Pasukan	Strategi, produksi, media digital dan analitik dengan peranan jelas.
3	Bukti teknikal	Portfolio, metodologi, contoh konsep dan jadual serahan.
4	Keseragaman dokumen	Matriks pematuhan, harga unit dan arahan identiti yang konsisten.

*** Kod Bidang MOF**

i.	222001	Media Elektronik (Tidak Termasuk Kerja-Kerja Percetakan)
ii.	222002	Media Cetak (Tidak Termasuk Kerja-Kerja Percetakan)
iii.	222004	Penulisan – Semua Jenis Penulisan
iv.	222005	Mereka-Cipta Dan Seni Halus
v.	222009	Lain-Lain Media Pengiklanan

B. LIPUTAN PENUH & SKOP PERKHIDMATAN

BIL	KOMPONEN	KEPERLUAN PENYEDIA
1	Strategi dan kajian	Garis dasar (*baseline*), pemetaan sasaran dan pelan komunikasi 12 bulan.
2	Kreatif dan produksi	Konsep, skrip, rakaman, suntingan dan adaptasi platform.
3	Penerbitan dan promosi	Kalendar siaran, kolaborasi dan pembelian media.
4	Pemantauan	Analitik, pemantauan respons dan pengoptimuman.
5	Penilaian dan serahan	Penilaian akhir, fail sumber, data serta pemindahan pengetahuan.

C. STANDARD PRODUKSI DAN KIRAAN SERAHAN

BIL	KOMPONEN	KEPERLUAN PENYEDIA
1	Format dan kualiti akhir	Video minimum Full HD 1080p, audio jelas dan warna yang konsisten.
2	Bahasa dan akses kandungan	Wajib menggunakan Bahasa Melayu, transkripsi dan penyediaan sari kata dwibahasa bagi setiap video. *Sekiranya perlu, penggunaan selain bahasa Melayu adalah tertakluk kepada kelulusan pihak MKJR.
3	Adaptasi mengikut platform	Versi menegak atau melintang mengikut pelan siaran.
4	Keseragaman	Karya asal berasingan daripada potongan video, perubahan saiz, adaptasi transkripsi dan penyediaan sari kata dwibahasa bagi setiap video.
5	Akses kepada fail RAW	Sentiasa berkongsikan fail RAW setelah tamat sesuatu sesi penggambaran melalui pautan fail dan/atau serahan *Hard Disk*.

D. GARIS DASAR (*BASELINE*) DAN STRATEGI PENGHASILAN KANDUNGAN

BIL	KOMPONEN	ASAS RUJUKAN / KAEDAH
1	Kajian awal dan audit saluran	Data sedia ada, kandungan MKJR, persepsi utama, maklum balas komuniti.
2	Cadangan tinjauan garis dasar (*baseline*)	Kuota sasaran dan kaedah persampelan yang dinyatakan.
3	Pelan komunikasi 12 bulan	Objektif mesej, identiti siri, pelan media dan kalendar kandungan.
4	Kelulusan	Strategi, instrumen kajian dan pelan penerbitan perlu mendapatkan kelulusan MKJR dalam tempoh 2 - 4 minggu.

E. SASARAN CAPAIAN 40%

BIL	KOMPONEN	ASAS RUJUKAN / KAEDAH
1	Asas pengiraan	Populasi pengguna digital Malaysia daripada

		sumber dan tahun rujukan yang dipersetujui.
2	Tempoh dan lokasi	Capaian terkumpul sepanjang kontrak, dengan sasaran audiens Malaysia.
3	Pelaporan berasingan	Capaian organik, berbayar dan prestasi setiap platform.
4	Pertindihan audiens	Kaedah deduplikasi atau anggaran bertulis, serta batasan ukuran.

F. PEMBELIAN MEDIA

BIL	KOMPONEN	ASAS RUJUKAN / KAEDAH
1	Pecahan harga seragam	Harga unit mengikut siri, kos adaptasi, bakat, lesen, fi dan cukai.
2	Belanja media berasingan daripada fi	Pelan audiens, platform, tempoh serta bajet untuk kelulusan MKJR.
3	Bukti dan akses laporan	Rekod transaksi dan laporan platform.
4	Baki dan perubahan belanja	Tiada perbelanjaan tambahan tanpa kelulusan, baki diurus mengikut kontrak.

G. TADBIR URUS DAN PROSES KELULUSAN KANDUNGAN

BIL	KOMPONEN	KETETAPAN
1	Strategi dan output utama	Semakan serta kelulusan pihak berkuasa MKJR.
2	Kandungan rutin	Pegawai yang menerima kuasa kelulusan bertulis.
3	Semakan fakta	Pakar atau agensi teknikal berkaitan mengikut isu (keutamaan kepada agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia).
4	Tempoh semakan	3 - 5 hari bekerja bagi serahan lengkap.
5	Pindaan	Minimum 2 pusingan pindaan editorial, pembetulan ketidakpatuhan tanpa caj.
6	Pelaporan	Bulanan.

H. KESELAMATAN RAKAMAN DAN HAK PENGGUNAAN ASET

BIL	KOMPONEN	KETETAPAN
1	Keselamatan dan persetujuan	Penilaian risiko, kebenaran lokasi, pelepasan peserta dan penjaga kanak-kanak.
2	Pengendalian kandungan sensitif	Perlindungan mangsa, pengesahan fakta dan penjelasan lakonan semula.
3	Pemilikan hasil khusus MKJR	Rakaman mentah, fail projek, fail akhir, grafik dan data prestasi.
4	Serahan dan lesen	Serahan bulanan, daftar lesen pihak ketiga dan akses akaun MKJR.
5	Akses kepada fail RAW	Sentiasa berkongsikan fail RAW setelah tamat sesuatu sesi penggambaran melalui pautan fail dan/atau serahan *Hard Disk*.

I. PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) MENGIKUT TITIK PENCAPAIAN (MILESTONE)

BIL	KOMPONEN	KETETAPAN
1	Hasil serahan	100% minimum kandungan mengikut jadual yang diluluskan.
2	Capaian	Sasaran 40% dengan kaedah pengukuran yang dipersetujui.
3	Kefahaman	Petunjuk prestasi berdasarkan *Impression* dan *Reaction* di semua platform media sosial MKJR.
4	Kecekapan media	Pencadang mencadangkan Cost per mille (CPM) / Cost per view (CPV) dan kadar tamat mengikut format.
5	Pelaporan	Laporan bulanan lengkap dan bukti perbelanjaan media.
6	Pemulihan prestasi / intervensi	Pelan pembetulan apabila sasaran tersasar.

J. PERANCANGAN PERUNTUKAN

KOMPONEN	CADANGAN PECAHAN
Strategi, garis dasar (*baseline*) dan penilaian	8%
Produksi kreatif dan semua siri	45%
Belanja sebenar pembelian media	30%
Pengurusan, pelaporan dan pemindahan aset	7%
Ruang perancangan cukai dan kos dalaman berkaitan (kos perjalanan, penginapan dan elaun pegawai sekiranya perlu)	10%
JUMLAH SILING (RM)	100%

K. BAYARAN MENGIKUT TITIK PENCAPAIAN DAN HASIL YANG DITERIMA

BIL	KOMPONEN	KETETAPAN
1	Strategi, garis dasar (*baseline*), dan penilaian	Selepas penerimaan pelan dan laporan fasa awal.
2	Produksi kreatif dan semua siri	Bulanan mengikut kandungan yang lulus penerimaan hasil serta jadual harga.
3	Pengurusan kempen	Bulanan berdasarkan perkhidmatan dan laporan yang diterima.
4	Pembelian media	Bulanan berdasarkan laporan bukti pembelian media.
5	Penilaian dan serahan akhir	Selepas laporan akhir serta aset lengkap diterima.

L. PENILAIAN KEWANGAN

BIL	KOMPONEN
1	Cadangan Kewangan
2	Cadangan Jadual Pembayaran (Rujuk Jadual K)
3	Keperluan Maklumat Aset dan Liabiliti
4	Surat Akuan Sumpah Syarikat

5	Borang Penyata Bulanan Akaun Bank
6	Kunci Kira-kira Tahunan
7	Laporan Bank Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit
8	Laporan Bank Institusi Kewangan Mengenai Maklumat Simpanan
9	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Ssm), Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certification – TCC), Dan Sijil - Sijil Lain yang Berkenaan Seperti Sijil Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan (sekiranya ada)

MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN

1. SYARAT KEPERLUAN PENYERTAAN PENCADANG

Pencadang yang berpotensi mestilah memenuhi (dan mengemukakan bukti bagi) **Kriteria Mandatori** yang berikut:

- Syarikat yang berdaftar di Malaysia;
- Syarikat yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam penyediaan perkhidmatan pembangunan pelan komunikasi dan penghasilan media;
- Syarikat yang mempunyai nilai bersih positif bagi sekurang-kurangnya dua (2) tahun kewangan terakhir atau penyata bank bagi sekurang-kurangnya dua (2) tahun terakhir, sekiranya merupakan pemilik tunggal (2017 hingga 2020);
- Pengisytiharan bahawa tiada tindakan litigasi atau pertikaian telah dimulakan terhadap syarikat dan/atau para pengarahnya; dan
- Pencadang hendaklah membekalkan SEMUA item yang diperlukan berdasarkan skop kerja yang dinyatakan dalam Dokumen RFP.

[Kegagalan mematuhi mana-mana kriteria di atas akan menyebabkan penyertaan pencadang tidak berjaya.]

2. SYARAT-SYARAT KERTAS CADANGAN TENDER

A. Percanggahan

- Pencadang dianggap telah meneliti dan memahami kandungan dokumen ini serta menerima dan terikat dengan semua terma dan syarat yang dinyatakan di dalamnya.
- Pencadang bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyemak semua dokumen yang dibekalkan bagi memastikan dokumen tersebut teratur. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakpatuhan, Pencadang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan percanggahan tersebut diperbetulkan sebelum dokumen akhir dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia.

B. Penyingkiran

Sebarang ketidakpatuhan oleh Pencadang terhadap mana-mana keperluan yang ditetapkan dalam dokumen ini memberikan hak kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia, atas budi bicara mutlaknya, untuk menyingkirkan Pencadang tersebut.

C. Hak untuk Membuat Pindaan

Spesifikasi dan syarat yang terkandung dalam tender ini menetapkan keperluan asas dari segi fungsi, teknikal dan kontrak bagi permintaan ini. Sebarang pindaan kepada spesifikasi hendaklah dibuat dan dimaklumkan kepada semua Pencadang melalui e-mel.

D. Perubahan

Tender ini merupakan tender harga tetap yang merangkumi semua kos dan tidak boleh berubah. Pencadang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang peninggalan dan/atau kesilapan dalam cadangan mereka tanpa mengenakan atau mengenakan sebarang kos tambahan kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia.

E. Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia juga berhak membatalkan tender pada bila-bila masa atau tidak menggunakan mana-mana cadangan yang

dikemukakan tanpa menanggung apa-apa liabiliti kepada mana-mana Pencadang atau berkewajipan untuk memaklumkan kepada Pencadang alasan bagi tindakan tersebut.

F. Kandungan semua dokumen Kertas Cadangan Tender yang dikemukakan adalah mengikat Pencadang melainkan Pencadang telah mengecualikan liabilitinya secara nyata berhubung mana-mana bahagiannya.

G. Pencadang hendaklah mematuhi semua permintaan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia untuk mendapatkan maklumat tambahan atau membuat pembentangan bagi tujuan penjelasan selepas tarikh tutup tender ini.

3. PENGEMUKAAN KERTAS CADANGAN TENDER

a) Pencadang dikehendaki mengemukakan Kertas Cadangan Tender berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia dalam tempoh masa yang diberikan.

b) Semua arahan, terma dan syarat serta spesifikasi perkhidmatan hendaklah dipatuhi oleh Pencadang bagi melayakkan mereka dipertimbangkan untuk pemilihan perkhidmatan dan seterusnya pelantikan Pencadang yang berjaya oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia.

c) Setiap bahagian (Bahagian A dan Bahagian B) Kertas Cadangan Tender hendaklah dikemukakan bersama-sama dalam dua (2) sampul surat yang berasingan. Setiap sampul surat hendaklah dilabel seperti contoh berikut:

Sampul A

Request for Proposal (RFP)
PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN
PELAN KOMUNIKASI STRATEGIK
DAN KANDUNGAN KESELAMATAN JALAN RAYA

d) Kertas Cadangan Tender hendaklah dialamatkan kepada:

Setiausaha Agung
Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia
Aras 3, Galeria PjH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya.

Dan perlu dihantar melalui emel DAN serahan tangan kepada:
i. Encik Mohd Safuan Bin Ahmad @ 013-9055951
ii. Puan Amilatul Azwa Binti Kamaruzaman @ 03-8882 9795

e) Kertas Cadangan Tender yang dikemukakan melalui faksimile, e-mel sahaja, telex, telegram atau apa-apa kaedah lain **TIDAK** akan dipertimbangkan atau diterima.

f) Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap pembukaan awal (dan oleh itu penolakan) atau pengendalian yang salah bagi sampul surat yang tidak dimeterai dengan sempurna atau tidak dilabel dengan betul.

g) Kertas Cadangan Tender yang lengkap mestilah diterima sebelum atau pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan.

h) Tarikh tutup dan tempoh sah laku Kertas Cadangan Tender:
   i) Tarikh dan masa tutup iklan ini ialah pada hari **Jumaat, 11 Disember 2026, selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**.
   ii) Kertas Cadangan Tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan sah dan tidak akan dipertimbangkan. Bukti penghantaran oleh Pencadang melalui kaedah selain yang dinyatakan dalam Kertas Cadangan Tender ini tidak akan diterima sebagai bukti penerimaan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia.
   iii) Selepas perkhidmatan ini dianugerahkan kepada Pencadang yang berjaya, harga yang dipersetujui hendaklah kekal sah sepanjang tempoh kontrak.

4. PENGANUGERAHAN TENDER

a) Tafsiran Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia terhadap kandungan Kertas Cadangan Tender adalah muktamad.

b) Penilaian Kertas Cadangan Tender adalah berdasarkan, tetapi tidak terhad kepada, faktor-faktor yang berikut:
   i. Pematuhan terhadap syarat-syarat Kertas Cadangan Tender.
   ii. Pematuhan terhadap syarat-syarat kerahsiaan.
   iii. Kelengkapan dan kebolehlaksanaan keseluruhan penyelesaian/ pendekatan yang dikemukakan.
   iv. Kos bagi skop kerja yang dicadangkan.

c) Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia berhak menganugerahkan kontrak perolehan kepada mana-mana Pencadang.

d) Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia berhak untuk tidak menerima Kertas Cadangan Tender yang menawarkan harga terendah atau mana-mana cadangan yang dikemukakan.

e) Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia berhak untuk tidak meneruskan mana-mana bahagian daripada penganugerahan tender.

f) Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia berhak untuk tidak memberikan sebarang alasan bagi ketidakpenerimaan dan penolakan mana-mana Kertas Cadangan Tender.

g) Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia berhak untuk menemu duga, menjalankan lawatan tapak atau mendapatkan maklumat lanjut daripada Pencadang yang berpotensi sebelum penganugerahan tender.

h) Setelah tender ini dianugerahkan kepada Pencadang yang berjaya, harga/yuran yang dipersetujui hendaklah kekal tetap sepanjang tempoh kontrak.

5. BENTUK PERJANJIAN

a) Pencadang yang berjaya hendaklah menandatangani perjanjian perkhidmatan dengan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia. Peruntukan berkaitan had liabiliti serta kelewatan dan ganti rugi tertentu (liquidated damages) tidak boleh dirunding oleh Pencadang yang berjaya.

b) Pencadang yang berjaya tidak boleh memberikan perkhidmatan kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia tidak akan membuat sebarang pembayaran kepada Pencadang yang berjaya sehingga Perjanjian ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Pencadang yang berjaya boleh, atas risiko sendiri dan tanpa sebarang liabiliti kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia, memulakan serta-merta, antara lain, urusan pentadbiran prakontrak yang diperlukan, perhubungan dengan kontraktor atau perunding kami, apa-apa kerja penyelidikan, membuat pesanan dan mendapatkan bahan serta peralatan, dan menggerakkan sumber bagi penyediaan perkhidmatan yang akan diberikan.

6. PEMBAYARAN

a) Sebarang pembayaran yang perlu dibuat oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia di bawah perjanjian hendaklah dilaksanakan seperti yang berikut:
   - Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia hanya membuat pembayaran melalui kaedah elektronik. Oleh itu, Pencadang yang berjaya dikehendaki menyatakan butiran bank syarikat dan nombor akaun kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia.
   - Tiada pembayaran akan dibuat kepada Pencadang yang berjaya sehingga Perjanjian dimeterai oleh pihak-pihak yang berkontrak. Sebarang pembayaran yang perlu dibuat di bawah Perjanjian hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas invois diterima dan mengikut kaedah yang ditetapkan dalam Perjanjian.

b) Pencadang yang berjaya mesti mengemukakan penyata akaun bank semasa

bagi tujuan mewujudkan akaun pembayaran elektronik dengan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia.

c) Memandangkan semua pembayaran kepada Pencadang yang berjaya akan dibuat melalui pembayaran elektronik, Pencadang yang berjaya dikehendaki mengisytiharkan butiran akaun bank semasanya semasa mengemukakan Kertas Cadangan Tender.

7. KERAHSIAAN

Pencadang yang berjaya dan dianugerahkan kontrak perolehan bagi pembekalan perkhidmatan tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat kepada mana-mana pihak ketiga berhubung dokumen Kertas Cadangan Tender ini sebelum, semasa dan/atau selepas tempoh tender.

8. HAK HARTA INTELEK

Hak harta intelek bagi perkhidmatan dan apa-apa hasil serahan yang disediakan oleh Pencadang hendaklah terletak hak pada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia. Pencadang hendaklah, atas kos sendiri, mempertahankan dan menanggung rugi Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia terhadap sebarang tuntutan oleh pihak ketiga berhubung pelanggaran mana-mana hak harta intelek.

9. PERTANYAAN

a) Pencadang dinasihatkan supaya meneliti semua terma, syarat dan keperluan tender ini dengan cermat serta mendapatkan penjelasan yang diperlukan bagi memahami keperluan khusus tender dengan lebih baik, jika perlu, sebelum mengemukakan Kertas Cadangan Tender.

b) Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau keperluan untuk mendapatkan penjelasan lanjut, sila e-mel kepada **urussetia@mkjr.my**.

TEMPLAT UNTUK PENCADANG

BAHAGIAN A - PENILAIAN TEKNIKAL

Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya bagi Tempoh
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

1. Pencadang dikehendaki menyediakan dokumen bagi **Bahagian A - Penilaian Teknikal** bersama dokumen RFP yang lain seperti yang telah dinyatakan dalam sampul yang berasingan daripada **Bahagian B - Penilaian Kewangan.**

2. Sila rujuk Jadual A - Jadual I untuk menyediakan Cadangan Teknikal.

PERKARA	PENERANGAN
JADUAL A	Penerangan secara terperinci mengenai latar belakang dan pengalaman syarikat, hasil output dan contoh yang pernah dihasilkan, senarai pasukan, carta organisasi pasukan projek beserta *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap, sijil berkaitan kakitangan projek, dan surat sokongan sekiranya ada.
JADUAL B - JADUAL I	Penerangan penuh mengenai konsep cadangan yang ingin dicadangkan oleh syarikat pencadang berdasarkan garis panduan yang disediakan, dan sebarang cadangan penambahbaikan sekiranya ada mengikut kreativiti pencadang. Pencadang bebas menggunakan jadual, gantt chart, tangkap layar, atau apa-apa yang dirasakan sesuai untuk ditunjukkan di dalam dokumen yang perlu diserahkan.

3. Format yang ditunjukkan pada Jadual A - Jadual I dicadangkan untuk digunakan sebagai panduan dalam menyediakan dokumen bagi **Bahagian A - Penilaian Teknikal**. Format ini termasuk perbelanjaan khusus, yang mungkin diperlukan atau tidak boleh digunakan tetapi ditunjukkan sebagai contoh.

4. Pencadang dibenarkan untuk menambah mana-mana bahagian yang dirasakan bersesuaian untuk ditunjukkan sebagai contoh.

5. Harga kontrak adalah **harga tetap sehingga jumlah maksimum RM2,000,000.00** bagi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan tanpa mengira sebarang pelanjutan kontrak. Sebarang perubahan atau pelanjutan tempoh hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat kontrak. Rujuk **Jadual J** bagi pecahan terperinci yang dicadangkan

TEMPLAT UNTUK PENCADANG

BAHAGIAN B - PENILAIAN KEWANGAN

1. CADANGAN KEWANGAN	
Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

1. Pencadang dikehendaki menyediakan dokumen bagi **Bahagian B - Penilaian Kewangan** dalam sampul yang berasingan daripada dokumen RFP yang lain seperti yang telah dinyatakan.

2. Cadangan Kewangan mesti menyediakan pecahan kos terperinci. Sediakan angka berasingan untuk setiap kumpulan atau kategori berfungsi. Sebarang anggaran untuk item yang boleh dibayar balik kos, seperti perbelanjaan perjalanan dan keluar dari poket, hendaklah disenaraikan secara berasingan.

3. Format yang ditunjukkan pada halaman berikut dicadangkan untuk digunakan sebagai panduan dalam menyediakan dokumen bagi **Bahagian B - Penilaian Kewangan**. Format ini termasuk perbelanjaan khusus, yang mungkin diperlukan atau tidak boleh digunakan tetapi ditunjukkan sebagai contoh. Pencadang dibenarkan untuk menambah mana-mana bahagian yang dirasakan bersesuaian untuk ditunjukkan sebagai contoh.

4. Harga kontrak adalah **harga tetap sehingga jumlah maksimum RM2,000,000.00** bagi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan tanpa mengira sebarang pelanjutan kontrak. Sebarang perubahan atau pelanjutan tempoh hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat kontrak. Rujuk **Jadual J** bagi pecahan terperinci yang dicadangkan.

5. Harga kontrak hendaklah merangkumi semua kos yang berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan, termasuk **fi profesional, pembangunan dan penerbitan kandungan, kolaborasi, promosi digital dan pembelian media, analitik, pemantauan, pengurusan serta penilaian impak,** termasuk cukai dan apa-apa kos lain yang berkaitan.

6. Pecahan kos di atas adalah anggaran/indikatif untuk membantu pencadang menyediakan cadangan. Tawaran tidak semestinya perlu menggunakan keseluruhan harga siling.

7. Jadual-jadual adalah tertakluk kepada keperluan dan persetujuan MKJR.

A. RINGKASAN PERANCANGAN PERUNTUKAN DAN CADANGAN KOS

BIL.	*DELIVERABLES* ***[SENARAI SEPERTI YANG DIRUJUK DALAM TOR]***	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	PERATUSAN JUMLAH HARGA (BERAT UNTUK PEMBAYARAN)
1.	Strategi kreatif, kajian pasaran dan pembangunan francais kandungan		
2.	Penerbitan kandungan		
3.	Kolaborasi pencipta kandungan dan rakan strategik		
4.	Promosi digital dan pembelian media		
5.	Analitik, pemantauan, pengurusan dan penilaian impak		
	Jumlah		
	Cukai (8%)		
	Jumlah Keseluruhan		

B. PERINCIAN CADANGAN KOS

1. **Bayaran Kepada Platform Media, Content Creator, dan Sebagainya**
   (Pencadang hendaklah memasukkan angka untuk komponen tersebut dengan jelas)

Platform/Saluran	Objektif	Anggaran Reach / Impressions / Views	CPM / CPC / CPV	Anggaran (RM)

- *Cost Per View (CPV), Cost Per Click (CPC), Cost Per Mille/Thousand Impressions (CPM)*

2. **Pecahan Kos Mengikut Komponen Kos**
   (Pencadang diminta untuk memberikan pecahan kos untuk harga yang diberikan di atas untuk setiap penghantaran berdasarkan format berikut. Pencadang hendaklah

menggunakan pecahan kos untuk tujuan penilaian munasabah harga serta pengiraan harga sekiranya kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menambah penghantaran baharu kepada skop Perkhidmatan).

Penerangan Aktiviti	Ganjaran setiap Unit Masa (cth., hari, bulan, dsb.)	Jumlah Tempoh perundingan	Bilangan Kakitangan	Jumlah Kadar untuk Tempoh

C. AKUAN HARGA

Kami mengesahkan bahawa harga yang dikemukakan adalah berdasarkan skop yang dinyatakan dalam dokumen RFP dan merangkumi semua kos yang diperlukan bagi melaksanakan perkhidmatan, kecuali perkara yang dinyatakan dengan jelas sebagai tidak termasuk.

Nama Syarikat:

No. Pendaftaran SSM Syarikat:

Nama Pegawai Diberi Kuasa:

Jawatan:

Tandatangan & Cop Syarikat:

Tarikh:

2. CADANGAN JADUAL PEMBAYARAN	
Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

Nota:

1. Tuntutan dan pembayaran hendaklah dibuat secara **berperingkat berdasarkan pencapaian output/ aktiviti utama/ titik pencapaian** yang ditetapkan dalam jadual pelaksanaan dan setelah output berkenaan disemak serta diterima oleh MKJR.

2. Perincian perkara adalah seperti yang telah dilengkapkan oleh Pencadang di **LAMPIRAN C.**

3. Jadual-jadual adalah tertakluk kepada keperluan dan persetujuan MKJR.

A. RINGKASAN JADUAL PEMBAYARAN

BIL.	MILESTONE / DELIVERABLE	CADANGAN BULAN	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	% BAYARAN
1				
2				
3				
4				
5				
6				
	Jumlah			
	Cukai (8%)			
	Jumlah Keseluruhan			

B. JADUAL PEMBAYARAN (12 Bulan)

BIL	PERKARA	(12 BULAN)											JUMLAH
		JAN	FEB	MAC	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DIS	
1													
2													
3													
4													
5													
6													
7													
8													
9													
10													
	Jumlah												
	Cukai (8%)												
	Jumlah Keseluruhan												

3. KEPERLUAN MAKLUMAT ASET DAN LIABILITI	
Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

*Maklumat di dalam jadual hendaklah dilengkapkan oleh Pencadang

Aset Semasa	Liabiliti Semasa

Pengesahan Pencadang:

……
Tandatangan Pencadang

Nama Pegawai :

Jawatan :

No. Telefon :

Tarikh :

Nota:

1. Aset Semasa & Liabiliti Semasa: Amaun yang diisi di atas hendaklah sama dengan kandungan yang dinyatakan di dalam Penyata Kewangan
2. Bagi pembekal yang tidak mempunyai maklumat Aset dan Liabiliti, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini.

4. SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT	
Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

SULIT

(untuk tujuan penyerahan penyata kewangan tidak beraudit bagi syarikat berstatus *Registration of Business* (ROB) dan mana-mana syarikat yang diberi pengecualian di bawah Akta Syarikat 2016)

Saya…… nombor kad pengenalan …….. yang mewakili syarikat ……. nombor pendaftaran……. (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

6. Penyata Kewangan Syarikat bagi ..... tahun iaitu .....yang dikemukakan kepada Kerajaan adalah sesungguhnya benar; dan

7. Syarikat TIDAK membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Penyata Kewangan Syarikat.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan)
sebenar-benarnya diakui oleh)
)
……..)
Tandatangan……
di……..)
)
pada……..)
)

Di hadapan saya

……
..
(Pesuruhjaya Sumpah)

Nota:

1. *Potong mana yang tidak berkenaan.
2. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

5. BORANG PENYATA BULANAN AKAUN BANK	
Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

SULIT

(Perlu Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dikembalikan kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MKJR).

Kepada:
Urus Setia Perolehan
Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia
Aras 3, Galleria PJH, Persiaran Perdana, 62100 Putrajaya

Nama Syarikat :<<Diisi oleh syarikat>>
Nama Bank :<<Diisi oleh syarikat>>
Nombor Akaun :<<Diisi oleh syarikat >>
Alamat Bank (Di mana akaun dibuka) :<<Diisi oleh syarikat >>

Baki Bulanan*		
<<Bulan/Tahun>>	**<<Bulan/Tahun>>**	**<<Bulan/Tahun>>**

…….
Tandatangan Pencadang

Nama Pegawai :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :

…….
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/ Institusi Kewangan

Nama Pegawai :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :
Cop Bank Institusi Kewangan :

Nota:
1. Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan berbeza.
2. Bagi Pencadang yang tidak mempunyai Kemudahan Kredit, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini.
3. Pencadang boleh mengunapakai/menerima format borang sedia ada oleh bank, tertakluk mempunyai maklumat lengkap sebagaimana yang dimohon dalam borang ini.

6. KUNCI KIRA-KIRA TAHUNAN	
Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

(Yang Telah Diaudit sekurang-kurangnya dua (2) Tahun Terakhir sebelum Tamat Tarikh Iklan)

Jenis Perniagaan / Syarikat (Nyatakan sama ada ROB - Perkongsian / Perseorangan atau ROC - Bhd / Sdn Bhd)	**:**	
Status Maklumat (Nyatakan sama ada TIADA atau ADA. Jika ADA, sila kepilkan sebagai Lampiran)	**:**	

7. LAPORAN BANK INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT	
Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

SULIT

(Perlu Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dikembalikan kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MKJR).

Kepada :
Urus Setia Perolehan
Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia
Aras 3, Galleria PJH, Persiaran Perdana, 62100 Putrajaya

Nama Syarikat :<<Diisi oleh syarikat>>
Nama Bank :<<Diisi oleh syarikat>>
Nombor Akaun :<<Diisi oleh syarikat >>
Alamat Bank (Di mana akaun dibuka) :<<Diisi oleh syarikat >>

Kemudahan Kredit yang boleh digunakan untuk pelaksanaan bekalan/ perkhidmatan (sekiranya pencadang mempunyai Kemudahan Kredit dengan Bank/ Institusi Kewangan)

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki Kemudahan Kredit Yang Boleh Digunakan
Overdraf	**RM**
Overdraf Bercagar	**RM**
Talian Kredit *(Business Line Credit)* (Talian Kredit Yang Tidak Terikat Dengan Mana-Mana Projek)	**RM**
Kad Kredit (Untuk ROB Perseorangan Sahaja)	**RM**
Jumlah	**RM**

…… ……

Tandatangan Pencadang

Nama Pegawai :
Jawatan :

Tandatangan Untuk Dan Bagi
Pihak Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai :
Jawatan :

No. Telefon	:	No. Telefon	:
Tarikh	:	Tarikh	:
		Cop Bank/ Institusi Kewangan	:

Nota:

1. Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan yang berbeza.
2. Bagi Pencadang yang tidak mempunyai Kemudahan Kredit, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini.
3. Untuk Syarikat ROC, ini mestilah salinan yang telah diaudit.

8. LAPORAN BANK INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI MAKLUMAT SIMPANAN	
Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

SULIT

(Perlu Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dikembalikan kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MKJR).

Kepada :
Urus Setia Perolehan
Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia
Aras 3, Galleria PJH, Persiaran Perdana, 62100 Putrajaya

Nama Syarikat :<<Diisi oleh syarikat>>
Nama Bank :<<Diisi oleh syarikat>>
Nombor Akaun :<<Diisi oleh syarikat >>
Alamat Bank (Di mana akaun dibuka) :<<Diisi oleh syarikat >>

Maklumat Simpanan: sedia ada yang boleh digunakan untuk pelaksanaan bekalan/perkhidmatan (sekiranya pencadang mempunyai Simpanan dengan Bank/Institusi Kewangan).

Bentuk Simpanan	Jumlah SImpanan	Penama
Deposit Tetap	**RM**	
Amanah Saham	**RM**	
Tabung Haji	**RM**	
Jumlah	**RM**	

……
Tandatangan Pencadang

Nama Pegawai :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :

……
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/ Institusi Kewangan

Nama Pegawai :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :
Cop Bank Institusi Kewangan :

Perhatian:

- **Simpanan:** Tidak termasuk amaun yang dinyatakan dalam Penyata Bank 3 Bulan terkini bagi 3 bulan terakhir sebelum bulan tutup iklan.

- **Deposit Tetap** boleh diisytiharkan atas nama syarikat atau nama pemilik syarikat bagi jenis syarikat ROB (Perseorangan). Selain daripada jenis syarikat ROB (Perseorangan), Deposit Tetap perlu diisytiharkan atas nama syarikat.

- **Amanah Saham** dan **Tabung Haji** hanya boleh diisytiharkan oleh syarikat ROB (Perseorangan) sahaja atas nama individu.

- Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan yang berbeza.

- Bagi Pencadang yang tidak mempunyai maklumat Simpanan, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini.

9. SALINAN SIJIL	
Nama Perkhidmatan	Pembangunan Pelan Komunikasi Strategik dan Kandungan Keselamatan Jalan Raya
Agensi	Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia
Tempoh	12 bulan
Harga Siling	RM2,000,000.00 (termasuk cukai dan *media buy*)

Nota:

1. Salinan sijil mandatori - Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certification - TCC).
2. Salinan Sijil Nilai Tambahan - Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan, dan lain - lain sijil berkenaan yang dirasakan bersesuaian untuk disertakan (sekiranya ada).